

## MENGABANG TELIPOT

### Seminar wanita millenium

SH 734 03/04/07 pg-T3

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menganjurkan Seminar Wanita Era Millenium (SWEM '07) jam 8 pagi hingga 5 petang di Dewan Sultan Mizan di sini pada 14 dan 15 Mei depan.

Seminar itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dan peranan wanita ke arah melahirkan generasi minda kelas pertama.

Pengarah Program berkenaan, Laili Che Rose berkata, seminar bertemakan 'Wanita Berilmu Pencetus Generasi Masa Depan' yang pertama kali diadakan itu dijangka dirasmikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.